

## ANEKDOT RELEVAN

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM  
relevan@mediamulia.com.my



# Naik gaji perlu setimpal dengan produktiviti

TIDAK ada orang yang pernah cukup dengan gaji yang diterima walaupun mencecah puluhan ribu mahupun ratusan ribu sebulan. Bak kata pepatah: besar periuk, besarlah keraknya.

Apatah lagi dengan kos sara hidup yang semakin meningkat. Harga barang naik mencanak sehingga duit terasa cepat menyusut.

Gaji yang rendah sudah semestinya terasa sempit untuk menjalani hidup yang semakin 'keras' pada ketika ini.

Banyak keluhan yang kita dengar bukan sahaja daripada mereka yang berkeluarga, tetapi juga orang bujang. Awal bulan poket sudah kering.

Laporan Tahunan 2017 Bank Negara Malaysia (BNM) menyarankan kadar gaji kehidupan wajar individu bujang dewasa menetap di bandar adalah RM2,700 manakala pasangan tanpa anak adalah RM4,500 dan pasangan dengan dua anak RM6,500.

Kalau kita pertimbangkan secara realistik, gaji minimum sebanyak RM1,500 tidak mencukupi sekiranya pekerja tinggal di kawasan bandar dan mempunyai isi rumah yang ramai.

Namun, jika dinilai kembali, gaji minimum yang ditetapkan di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding negara jiran. Sebagai contoh, Indonesia menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,297 manakala Thailand RM1,141 sebulan.

Bukan mudah untuk meningkatkan kadar gaji minimum kerana ia akan memberi implikasi kepada pelbagai aspek dan turut menekan majikan.

Kenaikan itu tidak boleh dibuat pukul rata tetapi ia hendaklah setimpal dengan produktiviti serta kemahiran seseorang pekerja.

Justeru, pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dilihat sebagai ruang untuk pekerja meningkatkan gaji dan kualiti hidup sekiranya mereka menambah kemahiran dan pengetahuan.

Peningkatan kemahiran juga akan mewujudkan pekerja yang lebih produktif dan menambah keuntungan kepada syarikat.

Secara tidak langsung, dasar ini juga mewujudkan situasi menang-menang antara majikan dan pekerja. Justeru, kedua-dua dasar ini perlu bergerak seiringan bagi menontahkan kadar kemiskinan dalam negara.

Sekiranya gaji dinaikkan, jangan pula menukar gaya hidup dengan menambah komitmen. Tukar kereta baharu dan sebagainya.

Kalau begitulah gayanya, sampai bila-bila gaji tidak akan pernah cukup. Kekalkan gaya hidup sekarang dan manfaatkan kenaikan gaji itu dengan menyelesaikan segala komitmen dan hutang.

Amalkan formula 50-30-20 untuk pengurusan gaji yang lebih baik dan menjadikan anda berdisiplin serta tidak terlajak berbelanja.

Pembahagiannya begini, 50 peratus digunakan untuk keperluan, 30 peratus untuk kehendak dan 20 peratus lagi untuk simpanan.

Oleh itu, anda masih lagi boleh menikmati hasil kerja keras, tetapi pada masa sama mempunyai simpanan kecemasan.

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI

**S**UDAH hampir sedekad sejak kerajaan memperkenalkan kadar gaji minimum di Malaysia. Bermula dengan RM900, ia kini meningkat kepada RM1,500.

Namun, gaji minimum bukan satu-satunya indikator kemajuan hak dan kesejahteraan pekerja di sesebuah negara. Ada negara yang tidak meletakkan kadar gaji minimum pun tetapi hak pekerjanya terbaik.

Relevan mahu memperkenalkan kepada anda indikator-indikator lain yang wajar diambil kira apabila kita berbicara tentang hak dan kadar gaji pekerja.

Perkara-perkara ini perlu diberi perhatian jika kita serius mahu meningkatkan kesejahteraan pekerja di negara ini.

### Nilai kudrat

Pekerja memerlukan kudrat demi kerjayanya, baik kudrat akal atau tenaga fizikal. Dengan kudrat itu pendapatan untuk keluarga dan diri sendiri dijana.

Pernahkah terfikir, berapa nilai kudrat yang kita tumpahkan untuk pekerjaan yang dibuat?

Antara cara untuk menilai kudrat pekerja adalah dengan membandingkan jumlah pendapatan yang dijana dengan barang yang boleh dibeli dengan jumlah itu. Seperti di Malaysia, gaji minimum mengikut jam adalah sebanyak RM7.21 sejam.

Dengan RM7.21, rakyat Malaysia boleh membeli 2.77 kilogram (kg) beras tempatan. Ini bermakna, untuk membeli 10 kg beras, mereka dengan gaji minimum perlu memerlukan kudrat selama 3.6 jam.

Berbeza dengan Australia yang menetapkan gaji minimum sebanyak AU\$23.23 sejam, pekerja mereka dengan gaji minimum hanya perlu bekerja 1.6 jam untuk membeli 10 kg beras.

Untuk membeli sebuah Toyota Yaris pula, rakyat Malaysia dengan gaji minimum perlu bekerja selama kira-kira 60 bulan atau lima tahun. Sedangkan di Australia, pekerja mereka dengan gaji minimum hanya perlu bekerja kira-kira 7.5 bulan untuk membeli kereta sama.

Satu lagi keperluan penting ialah rumah. Di Malaysia, pekerja dengan gaji minimum perlu bekerja selama 289 bulan atau kira-kira 24 tahun untuk membeli sebuah rumah (berdasarkan purata harga rumah terkini).

Di Australia, pekerja dengan gaji minimum perlu bekerja selama 216 bulan atau 18 tahun untuk memiliki sebuah rumah, walaupun harga rumah di negara itu merupakan antara yang



Hal penting perlu dinilai demi keseja-

# 4 indikato

tertinggi dalam dunia.

Membandingkan pendapatan dengan harga barang yang boleh dibeli merupakan indikator yang baik untuk menilai kadar gaji di sesebuah negara kerana perbandingannya adil. Semakin banyak masa bekerja yang diperlukan untuk membeli sesuatu produk, semakin rendah nilai kudrat kita.

### Pampasan pekerja

Kita juga perlu lihat, daripada keseluruhan ekonomi yang dijana dalam negara, berapa banyak yang sampai kepada pekerja sebagai gaji dan upah dan berapa banyak yang masuk ke poket pemilik perniagaan sebagai keuntungan?

Pengagihan ini dapat dilihat melalui statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) secara kaedah pendapatan yang menunjukkan tiga pecahan pendapatan negara, iaitu pampasan pekerja (PP), lebihan kendalian kasar (LKK) dan cukai bersih.

PP merujuk kepada bahagian pendapatan yang diterima pekerja, baik dalam bentuk upah, gaji, manfaat, bonus atau kelebihan lain yang diberikan syarikat. LKK pula keuntungan yang dicatatkan perniagaan selepas membayar pekerja. Cukai bersih merujuk nilai cukai selepas ditolak subsidi.

“

**Gaji minimum bukan satu-satunya indikator kemajuan hak dan kesejahteraan pekerja di sesebuah negara.”**

Negara yang mengangkat hak pekerja mempunyai peratusan PP yang tinggi seperti Jerman dengan 52.3 peratus daripada KDNK, Amerika Syarikat (53 peratus), Perancis (52.2 peratus), United Kingdom (52.9 peratus) dan Kanada (50.6 peratus).

Di negara-negara ini, lebih separuh daripada keseluruhan ekonomi yang dijana dipulangkan kepada pekerja dalam bentuk gaji, upah, manfaat dan lain-lain.

Di Malaysia, sumbangan PP merosot kepada 32.4 peratus pada 2022 berbanding 35.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Ini bermakna, masih banyak ruang yang ada untuk meningkatkan gaji pekerja, baik melalui mekanisme gaji minimum atau dasar gaji progresif. Sepanjang 2022, 67 peratus daripada ekonomi yang dijana